

01/06/2000

Pengeluar teknologi perlu bertanggungjawab

KEMAJUAN teknologi yang begitu pantas tidak semestinya mendatangkan kebaikan kepada sesetengah negara di dunia. Jika kepantasannya semata-mata dikuasai matlamat untuk membuat keuntungan besar oleh negara atau pencipta teknologi, ia akan menyebabkan negara penerima sentiasa tertekan. Kesannya, negara-negara pengguna berasa serba salah untuk memilih teknologi yang paling sesuai kerana sentiasa bimbang menghadapi kerugian. Keadaan ini boleh membantutkan persaingan terutamanya di negara-negara membangun. Kemajuan teknologi hanya akan mencapai matlamatnya jika ia disertai dengan sikap tanggungjawab yang tinggi.

Sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak Perniagaan Eropah-Asia 2000 di Kuala Lumpur kelmarin, jangka hayat teknologi adalah tidak statik. Apa yang berlaku ialah teknologi yang dipindahkan hari ini tidak lagi canggih ketika produk itu dipasarkan. Keadaan itu begitu jelas dalam industri komputer hari ini. Komputer yang dibeli hari ini akan ketinggalan di segi kecanggihan dan kepantasannya akibat begitu pesatnya perkembangan dalam teknologi komputer. Keadaan yang sama pula akan berlaku bagi mereka yang membeli produk terbaru itu kerana sebaik saja menggunakannya, produk yang lebih baru pula sudah berada di pasaran. Jangka hayat barangan seperti ini adakalanya terlalu pendek hinggakan ketika tempahan dibuat, mereka sudah mendapat saingan daripada pengeluar lain.

Teknologi komputer dan multimedia tidak sama dengan industri pembuatan kereta yang biasanya diubah suai mengikut bentuk, sedangkan fungsinya tidak banyak berubah. Tetapi, kesan kepada teknologi komputer adalah besar terutamanya bagi kegunaan industri. Bagi perusahaan besar yang menggunakan sistem komputer, terutamanya di kilang-kilang perusahaan, pihak pengurusan tidak boleh menukar sistem yang dibeli hari ini untuk ditukar sebulan atau setahun kemudian kerana ia memerlukan kos yang tinggi. Tambahan pula, setiap penggunaan sistem baru memerlukan tenaga pakar untuk mengendalikannya. Gagal menguruskan pemindahan teknologi dengan lancar pula, akan menyebabkan perusahaan tergendala. Sering didengar jentera tidak dapat digerakkan kerana ketiadaan pakar untuk mengendalikannya. Tempoh masa latihan dan proses penyesuaian turut mengambil masa yang panjang. Jika teknologi berubah dengan begitu pantas, ia akan menyulitkan operasi.

Kepantasan kemajuan teknologi tidak terbatas kepada industri komputer saja. Ia mencangkupi semua teknologi sama ada dalam industri pengangkutan sama ada di laut, udara atau darat. Begitu juga industri pekilangan seperti penggunaan jentera berat, sektor pembinaan, perniagaan dan lain-lain yang tertakluk kepada perubahan yang begitu pantas.

Kemajuan teknologi memang sukar dihalang. Apa yang perlu dilakukan oleh pengeluar teknologi ialah memaklumkan atau memperakukan mengenai teknologi yang tidak menghadapi susut nilai teknologi yang begitu pantas kepada pengguna agar mereka sentiasa berasa selamat. Sewajarnya juga difikirkan cara mana memastikan pengeluar dan pengguna teknologi tidak menghadapi masalah besar akibat perubahan teknologi. Umpamanya, jika dalam tempoh terdekat berlaku perubahan mendadak dari segi teknologi yang digunakan, pengeluar perlu meningkatkan tahap teknologi peralatan yang digunakan atau membayar pampasan.

Jaminan alat ganti juga begitu penting bagi mengelakkan pengguna menghadapi masalah kemudian hari. Pengeluar teknologi tidak seharusnya

mengambil sikap untuk memperdayakan pengguna teknologi kerana kesannya akan mereka hadapi sendiri. Disebabkan pengguna mempunyai pilihan, mana-mana pengeluar yang tidak jujur kepada pengguna, mereka pasti tidak akan mendapat tempahan pada masa akan datang.

Disebabkan agak sukar untuk menghalang kemajuan teknologi, Dr Mahathir membuat cadangan yang praktikal. Ia boleh dilakukan menerusi kerjasama ahli-ahli perniagaan. Ahli perniagaan Eropah yang mengadakan usaha sama dengan usahawan Asia perlu bersedia memindahkan teknologi dengan kos yang nominal. Dengan cara ini, kesan daripada perubahan teknologi tidak membebankan mana-mana pihak. Malah, ia akan menyebabkan sama ada faedah atau risiko yang dihadapi oleh kedua-dua pihak, lebih seimbang. Satu lagi cara ialah dengan mengenakan cukai yang tinggi terhadap peralatan baru hasil kemajuan teknologi. Tetapi, cara ini mungkin tidak digemari oleh pelabur. Mereka akan mencari negara lain untuk menanam modal. Tentulah cara ini sukar dilaksanakan di negara yang memerlukan pelabur asing.

(END)